

# SPRM tidak perlu minta 'restu'

Oleh FITRI NIZAM  
fitri.nizam.mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diberi 'lampu hijau' untuk mengambil tindakan terhadap jemaah menteri tanpa perlu meminta 'restu' daripada Perdana Menteri jika ada laporan atau dakwaan pembabitan mereka dalam kes rasuah.

Bagaimanapun, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, selepas setahun tiga bulan kerajaan perpaduan mengambil alih pentadbiran, sehingga kini tiada mana-mana jemaah menteri terpalit dengan isu rasuah setakat ini.

Perdana Menteri berkata, beliau juga ada mencabar di dalam mahu pun di luar Parlimen supaya kemukakan bukti bahawa dirinya mahupun jemaah menteri lain ada terba-bit dengan kes rasuah supaya boleh dikenakan tindakan.

Namun tegasnya, tiada mana-mana pihak yang tampil mengemukakan bukti tersebut setakat ini.

"Ini peringatan keras, SPRM tidak mungkin mengecualikan siasatan ke atas kepimpinan yang ada sekarang atau memantau setiap tender mahupun keputusan dibuat.

"Kalau ada, saya katakan jangan tanya saya, persilakan ambil tindakan dan orang yang berkenaan wajib digugurkan, barulah negara ini selamat," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Sidang Ke-



ANWAR Ibrahim menyempurnakan perasmian Sidang Kemuncak Anti-Rasuah Kebangsaan (NAC) 2024 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

muncak Anti-Rasuah Kebangsaan (NAC) 2024 di sini, semalam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau memberikan tabik hormat kepada jemaah menteri kerana berjaya memberikan imej kepimpinan yang bersih daripada rasuah sepanjang pentadbiran kerajaan perpaduan.

"Setahun tiga bulan, saya salute pada rakan-rakan kita (jemaah menteri) kerana dapat memberikan imej pimpinan

yang bersih daripada rasuah," katanya.

Mengakui agenda melawan rasuah dibawahnya mendapat tentangan daripada pelbagai pihak, Perdana Menteri berkata, ramai dalam kalangan elit politik, korporat mahupun pengurusan negara tidak senang dengan wacana tersebut kerana sudah lama bergelut-mang dengannya.

"(Mereka) yang terpalit rasuah akan melawan dengan kencang dan kuat. Kalau di

Parlimen, melalak tak tentu arah sampai ada seorang ahli Parlimen ini marah sangat kerana didakwa (rasuah), dia kata ini Perdana Menteri pun korup," katanya.

Bagaimanapun, Anwar menegaskan bahawa agenda pembanteras rasuah yang dilaksanakan SPRM perlu didukung dan jangan sesekali pernah berasa lemah melawannya.

"Kalau kita berasa lemah (melawan rasuah), negara ini akan hancur," tegasnya.